

Krisis perlantikan di Jelebu

Peguam Undang kemukakan keterangan di mahkamah

MAHKAMAH Tinggi di sini diberitahu semalam Undang Luak Jelebu, Datuk Musa bin Wahab, adalah salah seorang dari pemerintah (ruler) Negeri Sembilan dan bebas dari tindakan mahkamah.

Encik Ariffin Jaka, yang mewakili Datuk Musa juga berkata, mahkamah tidak berkuasa mendengar kes saman terhadapnya dan ia semata-mata perkara melibatkan adat orang-orang Melayu di Luak Jelebu.

Bellau berkata demikian ketika memberi keterangan meminta mahkamah menolak tuntutan bekas Ahli Lembaga, Syed Alwi bin Syed Idrus, supaya mahkamah mengisytiharkan perlantikan Undang Luak Jelebu sebagai tidak sah dan tidak berkuatkuasa.

Kes saman ini didengar oleh Hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Datuk Abdul Hamid Omar. Syed Alwi diwakili oleh Encik Abdul Razak Ahmad.

Katanya, Syed Alwi menjadikan mahkamah sebagai satu forum untuk menyelesaikan perselisihan antara beliau dengan dua orang yang membela (Datuk Musa dan Datuk Menteri Osman Baginda, seorang Ahli Lembaga).

"Perkara ini dibincangkan antara Ahli-ahli Lembaga Adat dan bukan di mahkamah," kata bellau.

Katanya, perselisihan ini terjadi berikutan perlantikan Undang Luak Jelebu yang ke-15 bila Undang Luak yang ke-14 meninggal dunia 20 November, tahun lalu.

Encik Ariffin berkata, Datuk Musa dilantik secara sah menjadi Un-

dang Luak Jelebu yang baru.

Katanya, Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah merestui perlantikan Datuk Musa sebagai Undang Luak Jelebu yang ke-15.

Menurutnya, Dewan Keadilan dan Undang adalah badan tertinggi menjaga adat orang-orang Melayu di negeri ini.

Kata bellau, keputusan dewan ini adalah muktamad melainkan keputusan itu boleh dicabar kerana tidak adil and bertentangan dengan Undang-undang Negeri.

Oleh itu, Datuk Musa adalah salah seorang dari pemerintah negeri ini dan mengikut Perlembagaan Negeri bellau (Datuk Musa) bebas dari tindakan mahkamah.

Menjawab pertanyaan Hakim, Encik Ariffin berkata, pemerintah (ruler) Negeri Sembilan terdiri dari Yang Dipertuan Besar dan sekurangnya tiga orang Undang Negeri itu.

Katanya, tidak terdapat dalam Perlembagaan Negeri ini yang menyatakan secara rasmi siapakah tiga

orang Undang yang dimaksudkan sebagai pemerintah itu.

Negeri Sembilan mempunyai empat orang Undang iaitu Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol dan Undang Rembau.

Encik Ariffin juga berkata, bellau tidak mendapati dalam Perlembagaan Negeri, menyatakan Undang Jelebu adalah salah seorang dari pemerintah Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, katanya, jika mahkamah menerima permohonan Syed Alwi berhubung dengan perlantikan Undang akan menyebabkan perselisihan yang tidak berkesudahan.

Katanya, jika keputusan Dewan Keadilan dan Undang tidak diterima ia akan menyebabkan keputusan dewan itu di masa akan datang dipersoalkan.

Encik Razak pula berkata, tidak terdapat dalam Perlembagaan Negeri satu badan khas untuk memutuskan perlantikan Undang setelah Undang sebelumnya meninggal dunia.

Katanya, Dewan Keadilan dan Undang hanya satu badan penasihat berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan adat orang-orang Melayu di Negeri Sembilan.

Tambahnya, keputusan dewan hanyalah semata-mata sebagai nasihat dan bukan keputusan muktamad.

Hakim Datuk Abdul Hamid akan memberi keputusan percabaran itu secara bertulis tidak lama lagi.

SEREMBAN, Jumaat